

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pecahan peruntukan di bawah **Projek BP1** Kementerian mengikut negeri yang telah diturunkan bagi tahun 2018, 2019 dan 2020.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2018 sehingga 2020, sebanyak **RM1.04 bilion** telah diluluskan di bawah BP.1. Peruntukan paling banyak adalah bagi Negeri Sabah iaitu sebanyak RM250.9 juta, diikuti oleh Johor sebanyak RM112 juta, Kelantan sebanyak RM109.4 juta dan Sarawak sebanyak RM101.6 juta. Makluman bagi pecahan peruntukan bagi BP.1 adalah seperti berikut:

**PERUNTUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
DI SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 2018-2020**

Bil.	Negeri	Jumlah Peruntukan (RMjuta)			Jumlah (RMjuta)
		2018	2019	2020	
1	Sabah	114.7	105.2	31.0	250.9
2	Johor	40.3	36.2	35.5	112.0
3	Kelantan	20.4	61.4	27.6	109.4
4	Sarawak	14.8	27.0	59.8	101.6
5	Kedah	18.7	40.7	25.3	84.7
6	Selangor	27.4	29.2	24.6	81.2
7	Perak	12.6	34.6	30.5	77.7
8	Pahang	24.6	30.7	21.3	76.6
9	Terengganu	15.7	24.6	16.1	56.4
10	Negeri Sembilan	15.1	17.4	17.4	49.9
11	Melaka	9.8	8.2	9.2	27.2
12	Pulau Pinang	0.7	1.6	4.6	6.9
13	Perlis	1.3	1.8	2.3	5.4
JUMLAH		316.1	418.6	305.2	1,039.9

Sekian, terima kasih.